

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 21 December 1965 &gt; Page 5 &gt; Lebih banyak rumah untuk anggota2 polis di-Malaysia

## Lebih banyak rumah untuk anggota2 polis di-Malaysia

Berita Harian, 21 December 1965, Page 5

Article also available on Microfilm Reel NL4326

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Lebih banyak rumah untuk anggota2 polis di-Malaysia

KUALA LUMPUR, Ithnin

**K**ERAJAAN memberi keutamaan untuk menyediakan rumah2 kepada anggota2 polis, khas-nya kepada mereka yang berpangkat rendah.

Peruntokan lebeh daripada \$13 juta telah pun di-sediakan untuk pembenaan rumah2 dan bangunan2 polis di-Tanah Melayu bagi tahun hadapan.

Kerajaan juga menyediakan peruntokan berjumlah \$4.8 juta bagi Sabah dan \$5.4 juta bagi Sarawak untuk pembenaan rumah2 anggota2 polis serta balai2 polis di-sana.

Dari jumlah \$23.9 juta ini, lebeh daripada 57 peratus berupa peruntokan bagi mendirikan rumah2 anggota2 polis yang berpangkat rendah.

Demikian di-umumkan oleh Menteri Dalam Ne-

### Information ▾

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
21 December 1965Reel Number:  
NL4326

Scroll to Top

Share

### Table of Contents ▾

&lt; Previous

Page 5 ▾

Next &gt;

#### K-terbang2 penyerang akan di-beli

K-terbang2 penyerang akan di-beli Sa-buah trigate, 2 penyapu periok api... bagi memperkuat pertahanan

#### Perhatian berat terhadap tahanan2 penjara

Perhatian berat terhadap tahanan2 penjara I/UALA LUMPUH, Ith- nin. Pesuruhjaya Ptnjara, Dato Murad

#### Filem USIS perchuma

Filem USIS perchuma KUALA LUMPUR, Ithnin. Jabat. n Penerangan Amrika \*USIS&gt; Kuala i nipur akan

View Full Table of Contents &gt;

geri, Dato Dr. Ismail ketika mengemukakan peruntukan kemajuan bagi Kementerian-nya berjumlah \$37.3 juta.

Peruntukan ini termasuk \$31 juta bagi Polis Di-Raja Malaysia dan \$4.8 juta bagi Penjara.

### **Keterangan**

Dato Dr. Ismail menerangkan bahawa anggota2 polis perlu berpuas hati dengan keadaan hidup dan perkhidmatan mereka untuk memberi khidmat yang sempurna bagi menjaga keamanan negara.

Oleh sebab itu, Kerajaan memberi keutamaan untuk mengadakan rumah kepada anggota2 Polis, khususnya mereka yang berpangkat rendah.

"Ini ia-lah menurut dasar Kerajaan untuk memperbaiki keadaan hidup anggota polis yang berpangkat rendah," tambah Dato Dr. Ismail.

Dalam pada ini Kerajaan akan memberi keutamaan untuk menyediakan rumah bagi anggota2 polis simpanan Persekutuan dan polis luar.

Anggota2 kedua2 buah bahagian polis ini sentiasa di-kehendaki berkhidmat di-luar jauh daripada kaum keluarga mereka dan di-dalam keadaan2 yang berbahaya.

Mereka ini akan memberi khidmatan yang sempurna sekiranya mengetahui bahawa kaum keluarga mereka berada di-tempat2 yang sempurna di-barrack2 polis.

### **Kemudahan2**

Dato Dr. Ismail menerangkan kemudahan2 perumahan, Rancangan Kemajuan Polis ini juga mengadakan kelengkapan2 yang moden dan sempurna, tambahan pengangkutan polis dan bot2 polis laut, memperbaiki kelengkapan2 perhubungan, mengadakan senjata2 yang moden serta memperbaiki pusat2 latihan.

Peruntukan untuk mengadakan kelengkapan2 yang baik dan lebih moden

berjumlah lebih \$7 juta daripada peruntukan \$31 juta itu.

Dato Dr. Ismail juga memberitahu bahawa dalam peruntukan kemajuan tahun hadapan bagi Jabatan Penjara, \$200,000 telah di-sediakan untuk menjalankan kerja2 pertama memindahkan penjara dari Pudu ka-Kajang.

Pusat penjara di-Kajang ini akan menelan belanja \$8 juta dan akan mengandungi ibu pejabat Jabatan Penjara serta pusat latihan warder di-samping sebuah penjara yang moden.

### **Persediaan**

Penjara di-Kajang ini juga akan menggantikan Penjara di-Seremban.

Dato D. Ismail menerangkan bahawa Kerajaan Selangor telah pun menyediakan sa-keping tanah sa-luas 202 ekar di-Kajang tok pembenaan penjara ini.

Kerajaan jua menyediakan untuk pembenaan penjara kan peruntukan \$3 juta untuk membena pusat tahanan negara di-Taiping. Pusat ini di-jangka akan siap dalam masa satu tahun.

Inche Abu Bakar Hamzah (PAS — Bachok) menyeru Kerajaan mengadakan hostel bagi anak2 anggota polis di-pindahkan bertugas di-tempat lain.

Beliau juga menyeru Kerajaan memberi kemudahan2 yang perlu tanpa sa-telah di-desak dahulu. "Apa2 kemudahan untuk anggota polis itu harus diberi dan di-sediakan, jangan menunggu desakan mereka itu dahulu baru hendak memberikannya."

Inche Abu Bakar menyebut perkara tuntutan gaji lebih oleh inspector2 polis yang akan di-timbangkan Kerajaan sa-telah di-desak oleh inspektor2 itu.

Inche Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang (Per.-Sarawak) minta Kerajaan mengadakan balai2 polis di-semerata tempat di-Sarawak yang memerlukan-nya.

### **Permintaan**

Sarawak, kata-nya, di-samping menghadapi pen-cherobohan Indonesia juga menghadapi gerakan2 oleh Pertubohan Komunis di-bawah tanah yang menen-tang pembentokan Malay-sia.

Beliau juga minta tiap2 balai polis di-lengkapkan dengan sistem perhubungan automatik, supaya apabila sa-sabuah balai itu di-se-rang, maka amaran dapat di-beri kepada ibupejabat Polis dengan serta merta.

Inche Wan Abdul Rah-man ragu kalau2 serangan ka-atas balai2 polis akan berlaku lagi sa-bagaimana telah berlaku kepada balai polis di-batu 17 Jalan Ku-ching-Serian beberapa bu-lan dahulu.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Per.-Jitra-Padang Terap) minta Kerajaan memberi layanan yang le-beh sempurna kepada ang-gota polis berpangkat ren-dah yang maseh bujang.

Beliau berharap mereka ini akan di-berikan tem-pat2 tidor yang sempurna.

## Related Articles

No related article found.

